

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA  
BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU [ LIBARAN ]**

**TARIKH : 8 JULAI 2019 [ ISNIN ]**

**SOALAN NO. 68**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status permohonan Dewan Serbaguna baru Kampung Gum-gum memandangkan dewan yang sedia ada itu pula kecil dan uzur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ada melaksanakan projek berskala kecil di bawah peruntukan projek pembangunan di kawasan Pihak Berkusa Tempatan (PBT). Walau bagaimanapun, setakat ini tiada permohonan daripada Majlis Perbandaran Sandakan berkaitan Dewan Serbaguna Baharu Kampung Gum-Gum yang diterima oleh KP KT. Sehubungan itu, PBT berkaitan boleh mengemukakan permohonan tersebut berserta maklumat lanjut mengenai kos dan spesifikasi untuk pertimbangan KP KT selanjutnya. Sekian, terima kasih.